

Dr. M dijadual sampaikan ucaptama di sidang APEC

UM 18 OCT 2001

SHANGHAI 17 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dijadualkan tiba di sini Sabtu ini bagi menghadiri mesyuarat tidak rasmi pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) akan menyampaikan ucaptama di sidang kemuncak Ketua-ketua Pegawai Eksekutif APEC.

Ucapan Perdana Menteri bertemakan 'Globalisasi dengan Pembangunan Bersama'.

Beliau adalah antara lapan pemimpin APEC yang akan menyampaikan ucapan pada sidang kemuncak selama tiga hari itu, bermula esok yang diadakan di Pudong Shangri-La di sini.

Lain-lain pemimpin yang turut menghadiri sidang kemuncak itu ialah Presiden China Jiang Zemin, Perdana Menteri New Zealand Helen Clark, Presiden Rusia Vladimir Putin, Presiden Mexico Vicente Fox, Perdana Menteri Australia John Howard, Presiden Amerika

Syarikat (AS) George W. Bush dan Ketua Eksekutif Hong Kong, Tung Chee Hwa.

Kira-kira 500 ketua eksekutif daripada beratus-ratus firma multinasional dijadualkan menghadiri sidang kemuncak tersebut yang bertemakan 'Alaf Baru, Ekonomi Baru: Pembangunan dalam Dunia Globalisasi'.

Sebanyak 50 daripada 100 buah firma terbesar di China turut menghadiri sidang kemuncak itu.

Antara ketua eksekutif dari Malaysia yang menghadiri mesyuarat itu ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd. Hassan Marican, Ketua Eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis, Pengarah Urusan Maybank, Datuk Amirsham Abdul Aziz dan Pengarah Urusan Hong Leong Bank Datuk James Cheng Poh Lim. — *Utusan*